

## **TEORI TAKHSIS IMAM FAKHRUDDIN AR-RAZI ASY-SYAFI'I DALAM KITAB AL-MAHSHUL DAN PENERAPANNYA DALAM MENAFSIRKAN AYAT-AYAT AL-QUR'AN TENTANG PERKAHWINAN BERBEZA AGAMA**

Muhamad Zainul Abidin<sup>1</sup>

### **Abstrak**

*Takhsis* ialah mengeluarkan sebahagian daripada apa yang tergolong dalam suatu *khitab* (pembicaraan). Dalam menafsirkan ayat al-Qur'an, teori *takhsis* digunakan untuk membataskan *nas-nas* al-Qur'an yang memiliki makna umum kepada isu yang lebih spesifik dan tertentu. Secara umum, *takhsis* dibahagikan kepada dua: (1) *Muttasil*, di mana dalil *mukhassis* bersambung dengan *khitab* (pembicaraan) yang di-*takhsis*. Dan (2) *Munfasil*, dimana dalil *mukhassis*-nya berasingan daripada *khitab* yang ditaksis. Imam Fakhruddin ar-Razi menyatakan bahawa salah satu bentuk *takhsis munfasil* ialah dengan mentaksis dalil yang *qath'i* (pasti) dengan dalil lain yang juga *qath'i*, contohnya *takhsis* al-Quran dengan al-Quran. Contoh implementasi teori *takhsis* oleh Imam Fakhruddin ar-Razi dapat dilihat dalam menafsirkan ayat-ayat tentang perkahwinan berbeza agama. Ayat 221 dari Surah al-Baqarah melarang perkahwinan laki-laki Muslim dengan perempuan musyrik, dan sebaliknya. Imam Fakhruddin ar-Razi mengkategorikan musyrik dalam ayat tersebut mencakup perempuan dan laki-laki ahli kitab. Namun, ia menerapkan *takhsis* dengan merujuk pada ayat 5 dari Surah al-Ma'idah, yang mengkhususkan makna ayat melibatkan ahli kitab. Oleh karena itu, seorang Muslim diperbolehkan menikahi perempuan ahli kitab, tetapi sebaliknya tetap dilarang. Ini merupakan contoh bagaimana Imam Fakhruddin ar-Razi menerapkan teori takhsis dalam menafsirkan ayat-ayat tentang perkahwinan berbeza agama.

**Kata kunci:** *takhsis, perkahwinan berbeza agama, perempuan ahli kitab.*

---

<sup>1</sup> Institut Agama Islam Tasikmalaya, Indonesia. Email: mzainulabidin@aitasik.ac.id.

## Pendahuluan

Teori *takhsis* ialah satu teori dalam perbincangan usul fiqh yang digunakan untuk menganalisis *nas* al-Qur'an, khususnya ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum. Imam Fakhruddin ar-Razi ialah antara ulama yang secara komprehensif membincangkan teori *takhsis* dan menggunakan sebagai salah satu alat analisis dalam mentafsirkan ayat al-Qur'an. Salah satu contoh ayat yang dianalisis dan ditafsirkan oleh Imam Fakhruddin ar-Razi dengan menggunakan teori *takhsis* ialah ayat mengenai perkahwinan antara individu berbeza agama.

Perkahwinan antara individu berbeza agama merupakan isu penting yang memerlukan jawapan dari perspektif agama. Umat Islam perlu mencari petunjuk yang benar mengenai perkara ini agar dapat menjawab persoalan ini dengan tepat. Isu ini telah dijelaskan secara jelas dalam al-Qur'an, khususnya dalam Surah al-Baqarah ayat 221 yang mengharamkan perkahwinan antara perempuan dan laki-laki musyrik.

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَاتِ حَتَّىٰ يُؤْمِنْ وَلَا مَأْمَةٌ مُؤْمِنَةٌ حَيْرٌ مِنْ مُشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبْتُمُوهُنَّ لَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَاتِ حَتَّىٰ يُؤْمِنُو وَلَعَبْدُ مُؤْمِنٌ حَيْرٌ مِنْ مُشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبْتُمُوهُنَّ

(Wahai orang-orang Islam) Janganlah kamu berkahwin dengan Perempuan-perempuan musyrik, sehingga mereka beriman (memeluk agama Islam). Dan sesungguhnya (berkahwin) dengan hamba perempuan yang mu'min lebih baik daripada perempuan merdeka yang musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu. Dan janganlah kamu kahwinkan (perempuan-perempuan Islam) dengan laki-laki musyrik sehingga mereka beriman. Dan sesungguhnya seorang hamba laki-laki yang beriman lebih baik daripada seorang laki-laki (merdeka) yang musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu.

Surah al-Ma'idah ayat 5 menyentuh tentang kebolehan berkahwin dengan perempuan ahli Kitab. Firman Allah dalam Surah al-Ma'idah (5):5 ialah seperti berikut:

الْيَوْمَ أَحِلَّ لِكُمُ الطَّيِّبَاتِ وَطَعَامُ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ وَالْمُحْسَنَاتِ وَالْمُحْسَنَاتِ مِنَ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِهِمْ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسَافِرِيْنَ وَلَا مُنَذِّرِيْ أَخْدَانَ وَمَنْ يَكُفُرُ بِإِيمَانَ فَقَدْ حَبَطَ عَمَلَهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Pada hari ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang baik-baik. Dan makanan (sembelihan) mereka yang dikurniakan Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu ialah halal bagi kamu, dan makanan kamu (pula) halal bagi mereka. (Dan dihalalkan kamu berkahwin dengan) perempuan yang menjaga kehormatan daripada perempuan-perempuan yang beriman dan perempuan-perempuan (yang merdeka) yang menjaga kehormatan daripada kalangan orang-orang dikurniakan Kitab dahulu sebelum kamu apabila kamu telah membayar mas kahwin mereka dengan maksud menikahi mereka, tidak dengan maksud berzina dan tidak (pula) menjadikan mereka Perempuan simpanan. Dan sesiapa yang kafir (ingarkan syari'at Allah dan tuntutan-tuntutanNya) sesudah beriman maka sesungguhnya sia-sialah amal (salih yang telah dikerjakannya) dan di akhirat kelak dia termasuk orang-orang yang rugi.

Berdasarkan uraian di atas, penulis bermaksud untuk menyajikan analisis mengenai teori *takhsis* yang diperkenalkan oleh Imam Fakhruddin ar-Razi, sebagaimana dibahas dalam

kitabnya ‘al-Mahshul’, serta bagaimana teori ini diaplikasikan dalam penafsiran ayat-ayat Al-Qur'an yang terkait dengan perkahwinan antara individu berbeza agama.

Dalam penjelasannya tentang teori *takhsis*, Imam Fakhruddin ar-Razi menunjukkan bagaimana teori ini dapat dijadikan sebagai alat analisis yang berharga untuk memahami dan menjelaskan ayat-ayat Al-Qur'an yang relevan dengan hukum-hukum agama. Kitab al-Mahshul merupakan sumber rujukan yang komprehensif bagi pemahaman teori *takhsis*, dan Imam Fakhruddin ar-Razi memperlihatkan aplikasinya melalui contoh konkret, termasuk dalam konteks perkahwinan antara individu berbeza agama.

Dalam penafsiran ayat-ayat yang berkaitan dengan perkahwinan berbeza agama, Imam Fakhruddin ar-Razi menggunakan teori *takhsis* untuk merincikan dan memahami dengan lebih mendalam larangan serta pengecualian yang terdapat dalam Al-Qur'an. Analisisnya menyoroti kepentingan merujuk kepada dalil-dalil yang *qath'i* (pasti) dan bagaimana satu ayat dapat diberikan penjelasan lebih lanjut melalui ayat-ayat lain yang saling berkaitan.

Dengan pendekatan ini, penulis berusaha memberikan pemahaman yang lebih baik tentang bagaimana Imam Fakhruddin ar-Razi menggunakan teori *takhsis* untuk membimbing umat Islam dalam menghadapi isu-isu kontemporer seperti perkahwinan berbeza agama. Penjelasannya merinci hukum-hukum yang terkandung dalam ayat-ayat Al-Qur'an yang relevan, sehingga memberikan pandangan yang lebih mendalam terhadap larangan dan pengecualian yang muncul dalam konteks perkahwinan berbeza agama.

## Biografi Imam Fakhruddin al-Razi

### 1. Nama, Kelahiran dan Nasab

Nama penuh Imam Fakhruddin al-Razi ialah Muhammad ibn Umar ibn al-Husain ibn al-Hasan ibn Ali al-Taimi al-Bakri al-Qurasyi al-Tibristani Abu Abdullah al-Razi al-Asy'ari al-Syafi'i, dengan gelaran Fakhruddin, dan lebih dikenali sebagai Ibn Khathib al-Ray<sup>2</sup>. Beliau merupakan keturunan Khalifah Abu Bakr al-Shiddiq, berasal dari Thabaristan, Iran, dan dilahirkan di Kota Ray pada tarikh 25 Ramadan tahun 543 H atau 544 H. Ayahnya, seorang ulama terkenal di Kota Ray, dikenali sebagai Dhiya'uddin dan lebih dikenali sebagai Khathib al-Ray. Imam Fakhruddin al-Razi wafat pada hari Isnin, semasa Hari Raya Aidilfitri, pada tahun 606 Hijrah, di Kota Herat, Afghanistan, dalam usia kira-kira 62 tahun.<sup>3</sup>

### 2. Keilmuan

Keilmuan Imam Fakhruddin al-Razi sangat meluas dan beliau merupakan seorang pakar dalam berbagai bidang ilmu. Tajuddin al-Subki menggambarkan kekayaan ilmu yang dimiliki oleh beliau sebagai lautan yang penuh dengan mutiara<sup>4</sup>. Beliau ialah pakar dalam ilmu kalam,

<sup>2</sup> Ahmad ibn Muhammad Syamsuddin ibn Khallikan, *Wafyat al-A'yan wa Anba' Abna'i al-Zaman*, Beirut: Dar Shadir, 1994, juz 4, hal. 248.

<sup>3</sup> Abul Fida' Isma'il ibn Umar ibn Katsir, *Thabaqat al-Syafi'iyyin*, Manshurah: Dar al-Wafa', 2004, hal. 778.

<sup>4</sup> Tajuddin Abdul Wahhab ibn Taqiyuddin al-Subki, *Thabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra*, Kaherah: Dar Hajar, 1413 H, juz 8, hal. 82.

tafsir, mantiq, usul fiqh, balaghah, dan berbagai bidang ilmu lain. Keahliannya terlihat jelas melalui hasil karya-karya beliau yang mencapai kira-kira 200 kitab<sup>5</sup>.

Perjalanan keilmuan Imam Fakhruddin al-Razi bermula dari ayahnya. Beliau mula mempelajari ilmu mazhab Syafi'i daripada ayahnya hingga beliau meninggal dunia. Ayah beliau, Dhiya'uddin Umar ibn al-Husain, merupakan seorang ulama dan penceramah terkemuka di Kota Ray, yang juga merupakan murid kepada Imam Muhyi al-Sunnah al-Husain ibn Mas'ud al-Baghawi al-Syafi'i. Silsilah keilmuan mazhab Syafi'i Imam Fakhruddin al-Razi dapat dikesan dari ayahnya, kemudian melibatkan al-Baghawi, al-Qadhi Husain al-Marwazi, al-Qaffal al-Marwazi, Abu Zaid al-Marwazi, Abu Ishaq al-Marwazi, Abul Abbas ibn Suraij, Abul Qasim al-Anmathi, Abu Ibrahim al-Muzani, sehingga mencapai Imam al-Syafi'i.<sup>6</sup>

Sementara itu, dalam bidang keilmuan Aqidah Asy'ari, jalur beliau dimulai dari ayahnya, kemudian kepada Abul Qasim Sulaiman ibn Nashir al-Anshari, Imam Al-Haramain Abul Ma'ali al-Juwaini, Abu Ishaq al-Asfarayini, Abul Husain al-Bahili, hingga mencapai Abul Hasan Ali ibn Isma'il al-Asy'ari.<sup>7</sup>

Setelah wafatnya sang ayah, Imam Fakhruddin al-Razi melanjutkan pembelajarannya dengan beberapa ulama terkemuka, termasuk al-Kamal al-Simnani dan al-Majd al-Jili. Beliau belajar ilmu hikmah dan ilmu kalam dari al-Majd al-Jili dalam masa yang cukup lama<sup>8</sup>. Setelah mencapai kedewasaan ilmiah dan keahlian dalam berbagai disiplin ilmu, Imam Fakhruddin al-Razi menjadi guru bagi banyak pencari ilmu dari berbagai penjuru dunia Islam. Beberapa murid terkenal beliau antara lain Tajuddin Muhammad ibn al-Husain al-Urmawi, Syamsuddin Abdul Hamid ibn Isa al-Khusrausyahi, dan al-Qadhi Syamsuddin al-Juwwi.<sup>9</sup>

### 3. Karya-karyanya

Menurut Ibn Katsir, Imam Fakhruddin al-Razi telah menghasilkan banyak kitab dalam berbagai disiplin ilmu. Karya-karyanya tidak hanya beragam dalam bidang ilmu, tetapi juga dalam hal ukuran, ada yang berskala kecil dan ada yang berjilid-jilid. Berikut ialah beberapa karya beliau yang disebutkan oleh al-Zirikli dan beberapa ahli sejarah dalam kitab mereka<sup>10</sup>:

(1) *Tafsir Mafatih al-Ghaib atau al-Tafsir al-Kabir*: Kitab ini telah dicetak dan diterbitkan, salah satunya oleh Dar al-Fikr, Beirut, pada tahun 1981 Masihi, dalam 32 jilid.

(2) *Lawami' al-Bayyinat fi Syarhi Asma' illahi Ta'ala wa al-Shifat*. Telah dicetak dan diterbitkan, salah satunya oleh *al-Maktabah al-Azhariyah li al-Turats*, Kaherah, pada tahun 2011 M.

(3) *Ma'alim Ushuliddin*. Telah dicetak dan diterbitkan oleh *Dar al-Kitab al-Arabi*, Lubnan, dalam satu jilid.

<sup>5</sup> Abul Fida' Isma'il ibn Umar ibn Katsir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Kaherah: Dar Hajar, 1997, juz 17, hal. 11.

<sup>6</sup> Ahmad ibn Muhammad Syamsuddin ibn Khallikan, *Wafatyat al-A'yan wa Anba' Abna'i al-Zaman*, ... juz 4, hal. 252.

<sup>7</sup> Ahmad ibn Muhammad Syamsuddin ibn Khallikan, *Wafatyat al-A'yan wa Anba' Abna'i al-Zaman*, ... juz 4, hal. 252.

<sup>8</sup> Ahmad ibn Muhammad Syamsuddin ibn Khallikan, *Wafatyat al-A'yan wa Anba' Abna'i al-Zaman*, ... juz 4, hal. 250.

<sup>9</sup> Abul Fida' Isma'il ibn Umar ibn Katsir, *Thabaqat al-Syafi'iyyin*, ... hal. 784.

<sup>10</sup> Khairuddin ibn Mahmud al-Zirikli, *al-A'lām*, Beirut: Dar Ilm Lilmalayin, 2002, juz 6, hal. 313.

- (4) *al-Masa'il al-Khamsun fi Ushuli al-Kalam*. Telah dicetak dan diterbitkan oleh *Dar al-Jail*, Beirut, pada tahun 1990 M.
- (5) *al-Ayat al-Bayyinat*. Manuskripnya terdapat di Perpustakaan El Escorial, Sepanyol.
- (6) *Ishmah al-Anbiya'*. Telah dicetak dan diterbitkan oleh *Mathba'ah al-Syahid*, Qum, Iran, pada tahun 1406 H, dalam satu jilid.
- (7) *al-I'rab*. Manuskripnya terdapat di Perpustakaan Chester Beatty, Dublin, Ireland.
- (8) *Asas al-Taqdis*, dalam ilmu tauhid. Telah dicetak dan diterbitkan oleh *Maktabah Kulliyat al-Azhariyah*, Kaherah, pada tahun 1986 M, dalam satu jilid.
- (9) *al-Mathalib al-Aliyah*, dalam ilmu kalam. Telah dicetak dan diterbitkan oleh *Dar al-Kitab al-Arabi*, Beirut, pada tahun 1987 M, dalam sembilan juz.
- (10) *al-Mahshul fi Ilm Ushul al-Fiqh*. Telah dicetak dan diterbitkan, salah satunya oleh *Maktabah Nazar Mushthafa al-Baz*, Riyadh, tahun 1997 M, dalam empat jilid.
- (11) *Nihayah al-Ijaz fi Dirayah al-Ijaz*, dalam ilmu balaghah. Telah dicetak dan diterbitkan oleh *Dar Shadir*, Beirut, pada tahun 2004, dalam 293 halaman.
- (12) *al-Arba'un fi Ushuliddin*. Telah dicetak dan diterbitkan oleh *Dar al-Jail*, Beirut, tahun 2004 M, dalam 496 halaman.
- (13) *Manaqib al-Imam al-Syafi'i*. Telah dicetak dan diterbitkan oleh *Maktabah Kulliyat al-Azhariyah*, Kaherah, tahun 1986 M, dalam satu jilid.
- (14) *Asraru al-Tanzil*, dalam ilmu tauhid. Telah dicetak dan diterbitkan oleh *Dar al-Ma'rifah*, Beirut, tahun 1432 H.
- (15) *al-Mabahits al-Masyriqiyah fi Ilm al-Ilahiyat wa al-Thabi'iyat*. Telah dicetak dan diterbitkan oleh *Intisyarat Bidar*, Qum, Iran, tahun 1370 H.
- (16) *al-Sir al-Maktum fi Mukhathabati al-Nujum*. Terdapat manuskripnya di Perpustakaan Ibrahim Pasha, Istanbul, Turki.
- (17) *Lubabul Isyarat*. Telah dicetak dan diterbitkan oleh *Maktabah Kulliyat al-Azhariyah*, Kaherah, tahun 1986 M, dalam 201 halaman.
- (18) *Unmudzajul Ulum*. Disebutkan oleh al-Zirikli bahawa kitab ini masih berbentuk manuskrip, namun tidak dijelaskan lebih lanjut tempat disimpannya manuskrip tersebut.<sup>11</sup>
- (19) *Nihayah al-Uqul fi Dirayah al-Ushul*. Telah dicetak dan diterbitkan oleh *Dar al-Dzakha'ir*, Beirut.
- (20) *Syarh Asma' illah al-Husna*. Telah dicetak dan diterbitkan oleh *al-Maktabah al-Azhariyah li al-Turats*, Kaherah, tahun 2010 M, dalam 352 halaman.

### **Profil Kitab ‘Al-Mahshul’**

Kitab ini secara lengkap dikenali sebagai ‘al-Mahshul fi Ilm Ushul al-Fiqh’. Ditulis dan diselesaikan pada tahun 576 Hijrah, karya ini merupakan salah satu pencapaian utama Imam Fakhruddin al-Razi dalam bidang usul fiqh. Dapat dikatakan bahawa karya-karya ulama sebelumnya dalam bidang ini sudah termuat secara lengkap di dalamnya, dan karya-karya ulama sesudahnya banyak yang merujuk atau mengambil panduan daripada kitab ini.

Pada zamannya, kitab ini dianggap sebagai karya terbaik dari aliran *mutakallimin*, terutamanya kerana ia berhasil menggabungkan empat kitab utama dalam bidang usul fiqh yang

<sup>11</sup> Khairuddin ibn Mahmud al-Zirikli, *al-A'lam*, ... juz 6, hal. 313.

ditulis sebelum kitab ‘Al-Mahshul’. Keempat kitab tersebut ialah ‘al-Burhan’ yang ditulis oleh Imam al-Haramain al-Juwaini, ‘al-Mustashfa’ oleh al-Ghazali, ‘al-Ahd’ oleh al-Qadhi Abdul Jabbar bersama dengan syarahnya, dan ‘al-Umdah’ oleh Abu al-Husain, serta ‘al-Mu’tamad’ oleh al-Hasan al-Bashri.

### **1. Sistematika Penulisan Kitab ‘Al-Mahshul’**

Imam Fakhruddin al-Razi merangkum pembahasan dalam kitab ‘Al-Mahshul’ ke dalam 12 bahagian, tidak termasuk *muqaddimah* (pendahuluan), dan setiap bahagian dikenali sebagai al-Kalam. Penyusunan dan susunan bahagian-bahagian tersebut bersandarkan kepada logika penyusunan yang mengikuti definisi usul fiqh. Bagi beliau, usul fiqh merangkumi satu set jalur atau jalan hukum Islam (*thuruq al-fiqh*), cara beristidlal (*kaifiyyah*) menggunakan jalur tersebut, dan kelayakan individu yang menggunakan jalur tersebut sebagai asas ber-*istidlal*.

### **2. Definisi Ushul Fiqh Menurut Imam Fakhruddin al-Razi**

Imam Fakhruddin al-Razi mentakrifkan usul fiqh:

عبارة عن مجموع طرق الفقه على سبيل الإجمال وكيفية الاستدلال بها وكيفية حال المستدل بها

*Satu kumpulan jalan atau cara hukum Islam (thuruq al-fiqh) secara umum, cara menggunakan jalan-jalan tersebut (kaifiyyah istidlal), dan kelayakan individu yang menggunakan jalan atau cara tersebut sebagai asas ber-istidlal.*<sup>12</sup>

Definisi ini menunjukkan bahawa usul fiqh melibatkan pemahaman terhadap hukum-hukum Islam dan prinsip-prinsip serta cara yang digunakan dalam proses berhukum. Imam Fakhruddin al-Razi membezakan dua jenis *thuruq al-fiqh*: *aqliyyah* dan *sam'iyyah*. Beliau, berbeza dengan pihak Mu'tazilah, berpendapat bahawa *thuruq aqliyyah* tidak boleh digunakan untuk mengetahui hukum dan oleh itu tidak perlu dibincangkan<sup>13</sup>.

Manakala, *thuruq sam'iyyah* terbahagi kepada dua jenis: *manshushah* dan *mustanbathah*. *Thuruq manshushah* dapat berupa perkataan atau perbuatan dari sumber yang tidak mungkin silap, iaitu Allah, Rasul, dan umat jika mereka berijma'. Yang bersumber dari Rasul dan umat dapat berupa perkataan atau perbuatan. Oleh kerana perbuatan tidak menunjukkan makna (implikasi hukum) kecuali jika disokong oleh perkataan, maka perbincangan mengenai *dalah qauliyyah* diberi keutamaan berbanding *dalah fi'liyyah*<sup>14</sup>.

Namun sebelum membincangkan aspek-aspek *dalah qawliyyah*, Imam Fakhruddin al-Razi merasa perlu untuk membincangkan persoalan-persoalan bahasa (*lughat*) terlebih dahulu. Ini kerana penggunaan dalil-dalil *manshushah* hanya mungkin dilakukan melalui medium bahasa.

### **3. Karakteristik, Orisinalitas, dan Kedudukan Kitab Al-Mahshul**

Berbeza dengan kitab-kitab usul fiqh *thariqah al-mutakallimin* sebelumnya, pembahasan dalam ‘Al-Mahshul’ menggunakan model perdebatan imajinatif (*iftiradhi*), sehingga di satu sisi, dalam setiap persoalan dapat ditunjukkan berbagai kemungkinan pendapat

<sup>12</sup> Fakhruddin Muhammad ibn Umar al-Razi, *al-Mahshul fi Ilm Ushul al-Fiqh*, Riyadh: Maktabah Nazar Mushthafa al-Baz, 1997, juz 1, hal. 80.

<sup>13</sup> Fakhruddin Muhammad ibn Umar al-Razi, *al-Mahshul fi Ilm Ushul al-Fiqh*, Riyadh: Maktabah Nazar Mushthafa al-Baz, 1997, juz 1, hal. 79-81.

<sup>14</sup> Fakhruddin Muhammad ibn Umar al-Razi, *al-Mahshul fi Ilm Ushul al-Fiqh*, Riyadh: Maktabah Nazar Mushthafa al-Baz, 1997, juz 1, hal. 79-81.

dan argumentasi untuk mendukungnya, dan akan nampak pula sisi kekuatan dan kelemahan masing-masing pendapat tersebut. Namun di sisi lain, model ini membuat kitab ‘Al-Mahshul’ menjadi tidak mudah dipahami kerana pembacanya dituntut memiliki logika yang kuat dan ketelitian yang tinggi. Malahan, juga tidak begitu mudah untuk menangkap pendapat sebenar Imam Fakhruddin al-Razi. Hal ini disokong oleh ketidak konsistenan beliau dalam mengurutkan perdebatan antara pihak-pihak yang diimajinasikan. Beliau sering memulakan perdebatan dengan kata “qila,” yang kemudian pendapat tersebut dibantah oleh orang kedua (“qulta”), kemudian disanggah oleh beliau sendiri dengan mengatakan (“qultu” atau “qulna”). Pada akhir perdebatan, sering kali beliau tidak memberikan kesimpulan yang menegaskan apa yang menjadi pendapatnya.

Selain itu, kenyataan bahawa kandungan ‘Al-Mahshul’ merupakan himpunan dari empat kitab ushul fiqh sebelumnya, juga tidak berarti Imam Fakhruddin al-Razi hanya mengekor pendapat-pendapat para pendahulunya. Perdebatan imajiner yang ditampilkan menunjukkan analisis kritisnya terhadap pendapat mereka dan *ushuliyyun* lainnya, dan upayanya untuk memilih salah satu pendapat atau mengusulkan pendapat sendiri yang dipandangnya lebih kuat. Kalaupun hanya untuk mendukung pendapat yang sudah ada sebelumnya, argumen-argumen filosofis yang dikemukakan Imam Fakhruddin al-Razi dalam perdebatan itu merupakan sesuatu yang orisinil dari beliau.

Terlepas dari seberapa besar kadar orisinaliti pemikiran yang terdapat dalam *al-Mahshul*, kitab ini telah diakui sebagai karya penting oleh para ulama. Ada banyak sejarawan yang menyebut kitab ini beserta penulisnya dalam kitab-kitab sejarah mereka yang dianggap otoritatif. Di antara mereka ialah Ibnu Khallikan dalam *Wafayat al-A'yan*,<sup>15</sup> al-Dzahabi dalam *Tarikh al-Islam*,<sup>16</sup> Tajuddin al-Subki dalam *Thabaqat Syafi'iyyah al-Kubra*,<sup>17</sup> Ibnu Katsir dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah*,<sup>18</sup> al-Shafadi dalam *al-Wafi bi al-Wafayat*,<sup>19</sup> Ibnu al-Imad dalam *Syadzarat al-Dzahab*,<sup>20</sup> al-Zirikli dalam *al-A'lam*.<sup>21</sup>

## Teori ‘Am dan Khas dalam Usul Fiqih

### 1. Teori ‘Am

Secara etimologi, ‘am bermakna umum, merata, dan menyeluruhi. Sedangkan secara terminologi, ‘am didefinisikan sebagai lafaz yang menunjukkan makna umum, yang merangkumi satuan-satuan (*afrad*) yang terkandung dalam lafaz tersebut tanpa sebarang

<sup>15</sup> Ahmad ibn Muhammad Syamsuddin ibn Khallikan, *Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna'i al-Zaman*, ... juz 4, hal 248.

<sup>16</sup> Syamsuddin Muhammad ibn Ahmad al-Dzahabi, *Tarikh al-Islam*, Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, 1993, juz 43, hal 211.

<sup>17</sup> Tajuddin Abdul Wahhab ibn Taqiyuddin al-Subki, *Thabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra*, ... juz 4, hal. 248.

<sup>18</sup> Abul Fida' Isma'il ibn Umar ibn Katsir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, ... juz 17, hal. 11.

<sup>19</sup> Shalahuddin Khalil ibn Abik al-Shafadi, *al-Wafi bi al-Wafayat*, Beirut: Dar Ihya al-Turats, 2000, juz 4, hal. 175.

<sup>20</sup> Abdul Hay ibn Ahmad ibn al-Imad al-Hanbali, *Syadzarat al-Dzahab fi Akhbari Man Dzahab*, Damaskus: Dar Ibnu Katsir, 1986, juz 7, hal. 40.

<sup>21</sup> Khairuddin ibn Mahmud al-Zirikli, *al-A'lam*, ... juz 6, hal. 313.

pembatasan jumlah tertentu. Sebagai contoh, kata الإنسان, maknanya merangkumi seluruh golongan manusia.

Berikut ini ialah lafaz-lafaz yang menunjukkan makna 'am:

(1) Kata (setiap), dan جميع (semua). Seperti dalam Surah al-Thur (52): 21:

كُلُّ امْرٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ

*Setiap orang terikat dengan amalan yang diusahakannya.*

Dan dalam Surah al-Baqarah (2): 29:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

*Dialah Allah yang telah menciptakan apa yang ada di bumi kesemuanya untuk kamu.*

(2) Kata jamak yang disertai *alif* dan *lam* di awalnya. Seperti kata *al-walidat* (para ibu) dalam Surah al-Baqarah (2): 233:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أُولَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّ الرَّضَاعَةَ

*Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap bagi sesiapa yang hendak menyempurnakan penyusuan itu.*

(3) Kata benda tunggal yang di-*ma'rifah*-kan dengan *alif* dan *lam*. Seperti kata الإنسان dalam Surah al-Ashr (103): 2:

إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ، إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ

*Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan salih..*

(4) *Isim syarat* (kata benda untuk mensyaratkan), seperti kata ما. Sebagai contoh, dalam Surah al-Nisa (4): 92:

وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا حَطًّا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسْلَمَةٌ إِلَى أَهْلِهِ إِلَّا أَنْ يَصَدِّقُوا

*Dan sesiapa yang membunuh seorang yang beriman kerana tersalah, maka (wajiblah dia membayar kaffarah) dengan memerdekaan seorang hamba yang beriman serta membayar diat (tebusan) yang diserahkan kepada ahli (waris) nya, kecuali jika mereka sedekahkan (memaaftakannya).*

(5) *Isim maushul* (kata ganti penghubung), misalnya kata الذي، التي. Sebagai contoh, dalam Surah al-Nisa (4): 10:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَى ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَلْقَوْنَ سَعِيرًا

*Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka. Dan mereka pula akan masuk ke dalam neraka yang menyala-nyala.*

(6) *Isim nakirah* yang dinafikan. Seperti dalam hadis:

لَا هِجْرَةَ بَعْدَ الفَتحِ، وَلِكُنْ جَهَادٌ وَنِيَّةٌ

*Tiada lagi hijrah yang berlaku selepas pembebasan kota Makkah, tetapi yang ada ialah jihad dan niat [HR. al-Bukhari dan Muslim].*

Lafaz 'am dilihat dari segi *dalalah*-nya dapat dibagi menjadi tiga macam:

(1)Lafaz "am" yang dimaksudkan secara pasti ialah lafaz "am" yang disertai dengan qarinah (indikator) yang menghilangkan kemungkinan pentaksisannya. Sebagai contoh, lafaz "am" dalam firman Allah, Surah Hud (11):6:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا

*Dan tidak ada satu pun makhluk yang melata di bumi melainkan Allah yang menjamin rezekinya*

Lafaz "am" yang terdapat dalam ayat di atas mengandungi dalil keumuman yang *qath'i* (pasti). Ini disebabkan oleh penetapan Allah terhadap rezeki bagi semua makhluk.

(2) Lafaz 'am yang dikehendaki kekhususannya secara pasti ialah lafaz 'am yang disertai dengan *qarinah* yang menghilangkan keumumannya, sehingga yang dimaksud ialah sebahagian dari satuan-satuan. Seperti dalam firman Allah, Surah Ali Imran (3):97:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنْ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

*Dan Allah mewajibkan ke atas manusia mengerjakan ibadat haji ke Baitullah iaitu bagi sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya.*

(3) Lafaz 'am yang ditakhsiskan iaitu lafaz 'am yang tidak disertai dengan *qarinah* yang meniadakan kemungkinan pentakhsisannya, atau *qarinah* yang menghilangkan *dalalah* keumumannya. Bentuk ini boleh dijumpai dalam kebanyakan nash di mana terdapat *shigat* umum yang tidak tertakhsiskan oleh pelbagai *qarinah*, sama ada *lafzhiyyah* (tekstual), *aqliyyah* (rasional), atau '*urfiiyyah* (adat) yang menentukan keumuman atau kekhususan. Lafaz ini secara dzahir menunjukkan makna umum, walaupun mungkin terdapat dalil yang mengkhususkannya. Sebagai contoh, firman Allah dalam Surah al-Baqarah (2):228:

وَالْمُطَّلَّقُاتُ يَتَرَبَّصُنَ بِأَنفُسِهِنَ تَلَاثَةٌ فَرُوعٌ

*Dan isteri- isteri yang diceraikan hendaklah menahan diri mereka (daripada berkahwin lain) selama tiga kali quru'.*

## 2. Teori Khas

Secara etimologi, "khas" berarti tertentu. Secara terminologi, "khas" didefinisikan sebagai lafaz yang menunjukkan arti yang telah ditentukan atau spesifik. Makna yang telah ditentukan ini dapat merujuk kepada perorangan, seperti Zaid, atau menunjukkan satu jenis, seperti laki-laki, atau menyatakan bilangan, seperti tiga, sebuah, sekelompok, dan sebagainya.

Para ulama usul fiqh sepakat bahawa lafaz khas dalam nash syara' menunjukkan kepada pengertian yang khas secara *qath'i* (pasti), selagi tiada indikator yang menunjukkan pengertian lain. Contohnya: firman Allah dalam Surah al-Ma'idah (5): 89:

فَكَفَّارُهُ إِطْعَامُ عَشَرَةِ مَسَاكِينَ مِنْ أُوسَطِ مَا تُطْعِمُونَ أَهْلِيَكُمْ أَوْ كِسْنَوْتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ

*Maka kaffarahnnya ialah memberi makan sepuluh orang miskin daripada makanan yang sederhana yang biasa kamu berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian kepada mereka, atau memerdekaan seorang hamba.*

Kata "عشرة" (sepuluh) dalam ayat di atas digunakan hanya untuk menunjukkan bilangan sepuluh, tidak lebih dan tidak kurang. Pengertian sepuluh itu sendiri sudah pasti, tidak ada kemungkinan pengertian lain. Seperti itulah setiap lafaz *khas* dalam al-Qur'an dipahami, selama tidak ada dalil yang memalingkannya kepada pengertian lain seperti makna *majazi*.

## Teori *Takhsis* dalam Kitab al-Mahshul

### 1. Pengertian *Takhsis*

Secara etimologi, takhsis berasal dari kata خصّ yang berarti mengkhususkan atau menentukan<sup>22</sup>. Secara terminologi, takhsis sebagaimana disebutkan oleh Imam Fakhruddin al-Razi ialah mengeluarkan sebahagian dari apa yang tergolong dalam suatu khitab (pembicaraan). Atau -dalam redaksi lain- mengeluarkan sebahagian dari apa yang ditunjukkan oleh khitab yang sifatnya umum<sup>23</sup>. Sebagai contoh, firman Allah dalam Surah al-Ashr (103):1-3:

وَالْعَصْرِ. إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي حُسْنٍ. إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ

*Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan salih.*

